

# Perkuat pasukan keselamatan

» Sultan Muhammad V mahu kejadian di Lahad Datu jadi iktibar

BH 7.7.13 4

Oleh Mohd Izhah Unnif Abdullah

thaddius@mediaprima.com.my

► Kota Kinabalu

**S**ultan Kelantan, Sultan Muhammad V mengingkatkan pasukan keselamatan menjadikan insiden pencerobohan pegganas di Lahad Datu dan pelbagai konflik di luar negara sebagai iktibar ke arah memantapkan persediaan menghadapi ancaman yang boleh menggugat keamanan.

Bertitah pada Istiadat Pentauliah Diraja Pegawai Kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) ke-32 di sini semalam, baginda menyatakan keyakinannya terhadap kemampuan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berdepan cabaran dalam mempertahankan kedaulatan negara.

## Sentiasa bersedia

"Hari ini kita lihat pelbagai konflik di luar negara seperti perang saudara dan pemberontakan manakala dalam negara kita dikejutkan dengan pencerobohan pegganas Sulu di Lahad Datu yang menggugat keselamatan negara.



Sultan Muhammad V **mengurniakan tauliah** kepada Pegawai Kadet Terbaik di perbarisan Istiadat Pentauliah DiRaja Pegawai Kadet PALAPES ke-32 di UMS, semalam. [FOTO ZUNNUR AL-SHAFIQ/BH]

"Beta menyeru pasukan keselamatan sentiasa bersedia menghadapi sebarang kemungkinan ancaman.

"Beta penuh yakin dengan

“**Beta menyeru pasukan keselamatan sentiasa bersedia menghadapi sebarang kemungkinan ancaman**”

**Sultan Muhammad V**  
Sultan Kelantan

kekuatan, tahap profesionalisme dan semangat yang ada serta didukung pasukan simpanan yang akan bertindak sebagai angkatan barisan kedua yang mantap, ATM dapat mempertahankan kedaulatan negara daripada ancaman yang bakal menggugat keharmonian dan keselamatan tanah air yang tercinta,” titah baginda.

Istiadat yang berlangsung di Universiti Malaysia Sabah (UMS) turut dihadiri Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin; Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman; Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Abdul Rahim

Bakri dan Panglima ATM, Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin.

Sultan Muhammad V yang juga Timbalan Yang di-Pertuan Agong, turut mengingatkan rakyat menjaga etika, hormat menghormati dan mengamalkan prinsip 1Malaysia bagi mengukuhkan persahabatan antara semua kaum.

"Beta mahu melihat rakyat sentiasa hidup secara harmoni, bersikap toleransi dan berbaik-baik sesama sendiri.

"Dalam kita menumpukan kepada matlamat utama memajukan negara, kita tidak seharusnya mencipta masalah yang membuat negara ketinggalan," katanya.